

IKBN MINAT PROGRAM PLK UUM

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 06 Julai 2011 15:33

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

6 JULAI 2011/4 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IKBN MINAT PROGRAM PLK UUM

UUM ONLINE : Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) berminat dengan Program Pengajian Luar Kampus Universiti Utara Malaysia (UUM).

Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan, Saari Salleh berkata, pihaknya bersedia untuk berunding dengan pihak UUM untuk memberi peluang kepada pelajar dan lepasan IKBN untuk menyambung pelajaran mereka dengan universiti ini melalui beberapa syarat-syarat yang ditawarkan.

Katanya, pelajar di IKBN di bawah Kementerian Belia dan Sukan menjalani ilmu kemahiran dan mereka harus merebut peluang untuk beroleh hingga ke peringkat diploma atau ijazah.

"Saya melihat usaha yang diketengahkan oleh Alumni IKBN Peretak Khususnya akan dapat meningkatkan taraf graduan yang dilahirkan IKBN nanti," katanya ketika merasmikan Karnival Kerjaya dan Pendidikan serta Mesyuarat Agung Alumni IKBN Peretak di Kuala Kubu Bharu Ahad lalu.

Sehubungan dengan itu pihak Alumni IKBN Peretak telah menjemput Pengurus Program Pengajian Luar Kampus, Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan UUM Fadzil Mohd Husin untuk memberi taklimat kepada lebih 450 pelajar di institut itu.

Turut sama ialah Penyelaras Program Komunikasinya Sharina Samsudin.

Sementara itu Pengarah IKBN Peretak, Wan Sallam Wan Yusoff berharap jalinan dan hubungan antara institusi ini dan UUM akan dapat memberi peluang kepada kedua pihak untuk menjalin hubungan yang lebih erat.

"Saya berharap bukan sahaja pelajar malah pihak UUM dapat memikirkan kemungkinan peluang untuk tenaga pengajar disini juga untuk menyambung pengajian mereka," katanya ketika ditemui.

Selesai.

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my